



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/4/2021	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## TNB nasihat pemilik premis tukar nama akaun elak tanggung bil penyewa

**KUALA LUMPUR** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan pemilik premis untuk menukar nama pemilik akaun (pengguna berdaftar) kepada nama penyewa premis melalui proses Change of Tenancy (COT) agar penyewa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bil elektrik.

TNB memaklumkan melalui langkah itu, pemilik premis dapat mengelak daripada menanggung tunggakan bil elektrik yang ditinggalkan penyewa sekiranya berlaku.

“Urusan pertukaran nama ini boleh dilakukan melalui portal myTNB ([www.mytnb.com.my](http://www.mytnb.com.my)) atau dengan mengunjungi Kedai Tenaga yang berdekatan. Langkah-langkah dan dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan permohonan per-

tukaran nama boleh diperoleh di portal myTNB,” menurut TNB dalam kenyataan pada Khamis.

TNB turut memaklumkan sekiranya penyewa telah berhenti menyewa premis, pemilik boleh menukar nama pemegang akaun kepada penyewa baharu atau kembali ke nama pemilik asal.

“Malah apabila berlaku pertukaran nama pengguna berdaftar daripada pemilik premis kepada penyewa, sebarang permohonan pemotongan bekalan bagi tujuan menamatkan akaun dengan TNB hanya akan diterima daripada pengguna berdaftar sahaja,” menurut kenyataan itu.

Pengguna boleh menghubungi TNB CareLine di **1300-88-5454** atau menerusi Facebook TNB CareLine bagi sebarang pertanyaan. - *Bernama*